



22110187



International Baccalaureate®
Baccalauréat International
Bachillerato Internacional

MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Wednesday 11 May 2011 (morning)

Mercredi 11 mai 2011 (matin)

Miércoles 11 de mayo de 2011 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only. It is not compulsory for you to respond directly to the guiding questions provided. However, you may use them if you wish.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez un commentaire sur un seul des passages. Le commentaire ne doit pas nécessairement répondre aux questions d'orientation fournies. Vous pouvez toutefois les utiliser si vous le désirez.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento. No es obligatorio responder directamente a las preguntas que se ofrecen a modo de guía. Sin embargo, puede usarlas si lo desea.

Tulis sebuah ulasan mengenai **satu** daripada petikan-petikan berikut:

1.

Mahbub sedikit terkapa. Spontan punggungnya terangkat dan diteranya pintu kamar. Tetapi pintu itu telah pun terkunci – dikunci dari dalam.

“Sanggup awak biarkan saya lapar, Betti?” Rintih Mahbub sambil mengetuk pintu. Pun ketukan itu sangat perlahan, sangat lembut. “Sejak pagi saya tak jamah satu apa pun.”

5 “Pasir di bumi itu banyak,” jerit Betti Baizura. “Rumput pun banyak. Makan sajalah pasir. Ragut sajalah rumput.”

Hampir titik air mata Mahbub. Sudah sejauh ini kiranya aku tewas!

“Aku nak tidur,” jerit Betti Baizura, lebih melengking. “Jangan ganggu aku. Pergi!”
Pergi?

10 Tidak upaya lagi Mahbub menghitung sudah berapa puluh kali, bahkan sudah berapa ratus kali, Betti Baizura menyebut kata-kata menghalau itu.

Pergi! Pergi!

15 Mahbub mengundurkan langkahnya dan sesaat duduk semula di kerusi. Matanya lingas memandang setiap sudut dan ruang dalaman rumah. Perabot tetap tersusun indah. Sofa set dan meja kopi sentiasa berkilat. Bahkan meja makan untuk kegunaan harian itu pun masih berkilat. Betti Baizura adalah isteri yang pandai menghias rumah. Tetapi sebagai seorang isteri juga, Betti Baizura tidak pernah dapat menghias hati Mahbub.

Pergi!

20 Mahbub berdiri pantas, pantas pula bergerak ke pintu, menuruni tangga seperti orang ingin berlari, menyarungkan kaki ke sepatu separuh menggigil. Mahbub pun pergi, tanpa menoleh ke belakang.

25 Di tepi jalan, Mahbub berdiri beberapa jurus. Kerana teksi yang ditahannya tidak berhenti, Mahbub gamit sebuah beca. Tetapi baru sahaja beca menghampirinya, sebuah bas muncul tiba-tiba. Mahbub tahan bas itu, melompat naik separuh terbang. Mahbub tidak tahu ke mana dia harus pergi. Dia hanya ingin pergi. Dan pergi. Dan ketika bas yang ditumpanginya masuk ke stesen, Mahbub melompat turun separuh melayang, naik pula ke sebuah bas lain yang akan menuju kota besar!

Kota besar!

30 Tiba di kota besar, Mahbub hampir-hampir hilang tenaga. Mahbub selusuri kaki lima kedai. Mula-mula masuk ke kedai pakaian dan Mahbub merenung pakaian yang berjenama mahal yang terpamer. Tetapi itu hanya sesaat, kerana kemudiannya Mahbub masuk pula ke sebuah kedai jam. Pindah dari kedai jam, masuk ke sebuah kedai buku. Tetapi Mahbub memang buta tentang buku, lalu Mahbub pindah pula ke sebuah kedai emas. Papan tanda besar lebar tersangkut kemas di atas muka pintu: Kedai Emas Kong Lee.

35 Hampir tidak ada pelanggan ketika itu. Demi Mahbub masuk, seorang perawan manis dan seorang laki-laki lembut – Mahbub kenali kemudiannya sebagai Sue Lan dan Min Tat – segera melayani Mahbub.

“Tengok-tengok dulu,” kata Mahbub.

40 Tetapi baru sahaja Mahbub akan pindah ke sebuah almari kaca yang lain, sebuah motokar berhenti mendadak di hadapan kedai. Keluar dua orang laki-laki dan seorang yang lain tetap di dalam motokar. Kedua-dua laki-laki itu masuk bergegas.

“Ini rompakan,” kata salah seorang laki-laki bertopeng itu dalam bahasa Mandarin. Tentu sahaja tidak difahami oleh Mahbub, andaikata Sue Lan dan Min Tat tidak mengangkat kedua belah tangan mereka tinggi-tinggi.

45 Seorang lagi laki-laki bertopeng itu mula memecahkan kaca tempat barang-barang kemas tersimpan. Mahbub dapat melihat dengan jelas kedua-dua laki-laki itu berpistol. Betapa ghairahnya mereka meraup barang-barang kemas itu ke dalam uncang yang sedia dibawa, sedangkan Sue Lan dan Min Tat tetap berdiri seperti orang terpukau. Ketika itulah seorang laki-laki dalam usia lima puluh tahun – yang kemudiannya Mahbub kenali sebagai Encik Kong Lee – keluar dari kamarnya.

50 “Diam!” Jerit sang perompak.
 Encik Kong Lee diam tidak berikutik.
 Dan Mahbub, seperti ditarik-tarik, mendekati kedua-dua perompak itu. “Eh, apa ni ha?
 Apa? Kenapa buat kerja macam ni ha?”
 Kedua-dua perompak itu terkejut.

55 “Awak diam!” Jerit salah seorang perompak itu. “Ini rompakan.”
 Tetapi Mahbub kian merapati mereka.
 “Jangan dekat! Aku tembak!” Jerit seorang perompak yang lain.
 Tetapi Mahbub hanya tersengih. “Tembaklah!” Mahbub menjerit balas. “Tembak! Tembak!”
 Kedua-dua perompak itu terketar.

60 Mahbub angkat kakinya dan menendang perompak pertama. Mahbub melepaskan penumbuknya ke perut perompak kedua. Dua pucuk pistol jatuh ke lantai. Dan kedua perompak jatuh bertelut di kaki Mahbub.
 Mahbub jadi terpinga. Dia tidak pernah tahu dia boleh sekuat itu. Dia juga tidak tahu dari mana dia mendapat kekuatan dan keberanian itu.

65 Yang jelas, hari itu juga Mahbub ditawarkan kerja oleh Encik Kong Lee.
 Dan Mahbub tidak lagi kembali ke rumah Betti Baizura.

Norhisham Mustaffa, *Sayembara VIII* (1991)

- Beri komentar anda tentang perwatakan Mahbub.
- Berikan pendapat anda tentang keberkesanan teknik penceritaan pengarang.
- Berikan ulasan tentang pentingnya konflik dalam petikan ini.
- Bagaimanakah pengarang mengemukakan tema dan persoalan dalam petikan ini?

2.

Pengganas

Dia menempelak serangan ganas itu
katanya, perbuatan paling tidak bermoral
dan tidak berperikemanusiaan di mukabumi
pada alaf baru ini sedang berlaku

- 5 sedangkan diri sendiri
adalah pengganas yang menangkap
dan menyiksa rakyat di tanahair sendiri

Dia mengutuk serangan balas itu
katanya, kekejaman paling jelas
10 dan rakyat tidak berdosa menjadi mangsa
sedangkan dia sendiri bertubi-tubi
melancarkan peluru tuduhan
konon dia mahu dijatuhkan secara kekerasan

- 15 Dia menyindir pembohongan media antarabangsa
katanya, masyarakat harus didedahkan
dengan fakta yang nyata
sedangkan dia sendiri mengerahkan
juak-juak dan para auta
menyajikan hidangan berita-berita palsu yang memualkan

- 20 Dialah sebenarnya pengganas
yang memakai topeng pura-pura
menyembunyikan kuku kezaliman
digunakan untuk mencakar-cakar mangsanya
mencipta cerita episod demi episod
25 sekaligus menelanjangkan satu persatu
maruah dan keaiban dirinya.

Shukri Abdullah, *Gelodak* (2003)

- Apakah pendapat anda tentang tema dan persoalan puisi ini?
- Bincangkan keberkesanan imejan dan perlambangan penyair ini.
- Sejauhmanakah struktur puisi ini berkesan dalam membantu perkembangan pemikiran dan perasaan yang dikemukakan?
- Beri ulasan tentang sikap penyair terhadap persoalan-persoalannya.